

Terima kasih Jun Hoong, Ziyad dan Abdul Latif

BERITA HARIAN 23/7/2017 p.52

Sekilas Pandang



Oleh Nasir Abd Wahab

acil@bh.com.my

Selepas empat hari bergelar juara dunia, atlet terjun negara, Cheong Jun Hoong akan tiba ke tanah air menerusi KLIA jam 3.30 petang esok.

Sambutan itu tentunya meriah dan penuh kejutan daripada kerajaan dan peminat sukan tanah air yang sejak Khamis lalu tak putus putus memberikan ucapan syabas dan tahniah kepadanya.

Jun Hoong mendaki puncak dunia dengan membawa pulang pingat emas pertama untuk negara dalam acara 10 meter platform wanita di Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest.

Kejayaannya mengutip 397.50 berjaya mengatasi bekas juara dunia, Si Yajie dari China (396.00 mata) manakala Ren Qian, yang meraih pingat emas Sukan Olimpik 2016 di Rio, menamatkan saingan di tempat ketiga selepas mengumpul 391.95 mata.

Jika Khamis lalu, Jun Hoong dan seluruh ahli keluarganya di Perak bagaikan bermimpi dengan kilauan



Cheong Jun Hoong

emas itu, kini satu dunia menyanjungi kehebatannya.

Pesta berterusan

Seperti kelaziman, rakyat Malaysia terus mengatur pelbagai sambutan untuk tempoh yang lama kepada jagoan sukan yang membawa pulang emas sekali gus merencanakan lagi demam Sukan SEA yang bermula tidak lama lagi.

Sambutan di KLIA esok juga bertambah meriah dua jam berikutnya apabila kontinjen Paralimpik negara pulang dari London dengan membawa nama



Muhammad Ziyad Zolkefli

yang harum serta pingat emas menerusi kejayaan Muhammad Ziyad Zolkefli (lontar peluru) dan Abdul Latif Romly (lompat jauh).

Ziyad pemegang rekod dunia yang baharu lelaki F20 di Kejohanan Olahraga Para Dunia di London dengan jarak 17.29 meter sekali gus memperbaharui rekod dunia miliknya menerusi lontaran 16.84m yang dilakukan pada Sukan Paralimpik di Rio de Janeiro, Brazil, tahun lalu.

Tempat kedua acara sama milik Stalin David Mosquera dari Ecuador yang meraih perak menerusi lontaran 16.72m



Abdul Latif Romly

manakala atlet Australia, Todd Hodgetts meraih gangsa dengan lontaran 15.96m.

Rakan seperjuangannya, Abdul Latif yang juga Olahragawan Negara 2016 melakukan lompatan 7.37m, mengatasi rekod lama kejohanan 7.35m.

Dia juga pemegang rekod dunia dengan lompatan sejauh 7.60m yang diciptanya di Rio 2016.

Pingat perak dimenangi atlet Croatia, Zoran Talic dengan catatan 7.32m manakala Dmytro Prudnikov dari Ukraine meraih gangsa, 7.12m.